



Graduan OKU berjaya tamatkan pengajian komunikasi UMS

UB 29.06.2022 P.06

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Sentiasa berkongsi cabaran kepada ibu bapa menjadi kunci kejayaan graduan Orang Kurang Upaya (OKU) Fakulti Sains Sosial dan Ke-

CEKAL: Mohd. Zulfadli, graduan OKU UMS berjaya tamatkan pengajian program komunikasi.

manusiaan (FSSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Mohd Zulfadli Aiman Sulaiman, 24, seorang OKU fizikal berjaya menerima Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Komunikasi) pada Majlis Konvokesyen UMS kali ke-23, di sini, baru-baru ini.

Katanya, cabaran yang dihadapi pada awalnya adalah untuk menerima keadaan universiti kerana

sebagai penuntut OKU perlu bersiap sedia dengan setiap perkara yang berlaku di UMS.

“Selain itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menjadi cabaran semasa bergelar mahasiswa kerana terpaksa melakukan pembelajaran secara dalam talian.

“Bagaimanapun, saya sangat gembira dan bersyukur kerana berjaya

menamatkan pengajian mengikut masa yang ditetapkan iaitu selama tiga tahun,” katanya.

Menurutnya, komunikasi adalah program yang menyenangkan dan sangat berkait rapat dalam kehidupan seharian.

“Saya sangat bertuah kerana berjaya melanjutkan pengajian ke program ini, sekali gus bergelar graduan UMS,” katanya.